



SEMINAR KEPIIMPINAN ISLAM SERANTAU

Seminar on Regional Muslim Leadership

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Kepimpinan Menurut Perspektif Gerakan Islam

Leadership in the Perspective of Muslim Movement

Dato' Haji Fadhil Mohd Noor

Presiden PAS

President of PAS

29 Safar & 1 Rabi^c al-Awwal 1420

14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



Kepimpinan Menurut Perspektif Gerakan Islam

1. Pengenalan

Kepimpinan adalah satu keperluan di dalam masyarakat dan negara. Masyarakat yang tidak mempunyai pemimpin akan kehilangan arah dan tujuan. Islam telah menggariskan prinsip-prinsip asas dalam kepimpinan yang telah terbukti keunggulan dan kejayaannya dalam sejarah dunia. Bukan semua orang layak menjadi pemimpin kerana ia adalah satu amanah yang akan dipersoal di hadapan Allah.

Islam telah meletakkan beberapa asas kepada aspek kepimpinan ini yang merangkumi konsep, skop, syarat, objektif dan sebagainya. Kesilapan dalam memahami perkara-perkara ini akan menyebabkan matlamat yang ingin dicapai terbantut dan boleh menyebabkan umat Islam menuju kepada kehancuran.

2. Takrif Kepimpinan

Kepimpinan menurut bahasa arab merujuk kepada istilah-istilah yang dierangkan sebagai *al-Khilafah*, *al-Imamah*, *al-Wali*, *al-Riyasah* dan *al-Zaamah*. Pada umumnya fungsi kepimpinan seperti yang dibayangkan di dalam kalimah-kalimah yang digunakan dalam sumber ajaran tradisi Islam ialah fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran. Contohnya dalam penggunaan kuasa, perlaksanaan kerja dan penyusunan strategi. Ia juga mempunyai fungsi pemilikan, penjagaan, pemeliharaan, mengarah urusan, penjamin dan pengarah yang mengeluarkan arahan untuk sebarang tindakan.

Dari segi kedudukan , pimpinan berada dihadapan dan menjadi tumpuan para pengikutnya. Ia juga menjadi jurubicara kepada barisan yang dipimpinnya dan berkemampuan untuk mengeluarkan arahan dan perintah. Dari segi menjalankan tugas

pemimpin biasanya orang yang banyak bermusyawarah dan bertukar pendapat di kalangan mereka yang dipimpin.

3. Kepimpinan Menurut Al-Quran

Al-Quran sebagai sumber asas dalam hukum syara' tidak ketinggalan membincangkan mengenai kepimpinan. Beberapa perkataan yang disebut di dalamnya mengandungi pengertian kepimpinan seperti *al-Wali*, *al-Khilafah*, *al-Imamah* dan *al-Zaamah*.

Firman Allah,

الله ولي الذين أنسوا بخراجهم من الظلمات الى النور والذين كفروا أولئك الطاغوت، بخراجونهم من النور الى

الظلمات أولئك أصحاب النار هم فيها خلدون.

*Bermaksud : Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada (cahaya iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."*¹

Perkataan *al-Wali* yang membawa maksud penolong,² pelindung-pelindung sebenarnya menjalankan fungsi kepimpinan kerana pemimpin memanglah akan membela

¹ *Al-Baqarah* : 257.

² Abu Abdullah Muhammad Bin Ahmad Ansar al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi al-Jami Li Ahkam al-Quran*, Juz 1, hlm. 1091.

dan memberi pertolongan kepada orang yang dibawahnya. *Wali* juga bererti orang yang mengendalikan urusan kehidupan mereka.³

Firman Allah,

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ أُولَئِنَّا مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمِنْ فَعْلِ ذَلِكَ فَلِسْنُ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَعَوَّذُ مِنْهُمْ نَفْرَةً ،
وَمَحْذِرَكُمُ اللَّهُ أَقْبَهُهُ، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَّا يُصِيرُ.

Firman Allah,

Bermaksud : Janganlah orang-orang beriman mengambil orang-orang kafir sebagai teman rapat dan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam suatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri dari suatu bahaya yang ditakuti daripada mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan kamu supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali.

Ayat diatas merupakan amaran kepada orang yang beriman supaya tidak melantik orang kafir sebagai ketua mereka di dalam urusan kehidupan,⁵ iaitu mereka tidak menjadikan orang kafir sebagai orang yang melindungi mereka.

Firman Allah,

³ Al-Imam al-Qushairi, *Lataif al-Isyarat Tafsir Sufi Fi Kamil Lil Quran al-Karim*, tahlil Dr. Ibrahim Bayuni, juz. 1, hlm. 210.

⁴ Ali-Imran : 28

⁵ Al-Fakhrurazi, *al-Tafsir al-Kabir*, juz. 4, hlm. 11-14.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلملائِكَةِ أَنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً.

Bermaksud : Dan ingatlah ketika Tuhan berfirman kepada malaikat; sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.⁶

Khalifah disini memberi erti pengganti di kalangan orang yang sebelum daripadanya.⁷ Ini bermakna ia sebagai galang ganti dengan orang yang sebelum daripadanya. Tidak disebut sebagai khalifah (pengganti) sekiranya masih lagi ada orang lain sedang memerintah.

Al-Qurtubi dan al-Maraghi menyatakan khalifah ini sebagai melaksanakan arahan antara manusia.⁸ Perkataan ini serasi sebagai melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.

Firman Allah,

وَإِذْ تَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلْمَاتٍ فَأَتَهُنَّ، قَالَ أَنِّي جَاعِلٌ لِلنَّاسِ أَمَامًا، قَالَ وَمَنْ ذَرْتَنِي، قَالَ لِيَنْالَّ عَهْدِ الظَّالِمِينَ.

Bermaksud : Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhanya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (setelah itu) Allah berfirman; sesungguhnya aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata ; (Ya Tuhanaku !) jadikanlah juga (apalah juga kiranya) dari

⁶ *Al-Baqarah* : 30

⁷ Abu Tahir Muhammad Ibn Yaacob al-Fairusi Abadi al-Shafie, *Tanwir al-Miqbas Min Tafsir Ibn Abbas*, hlm. 30.

⁸ Abu Abdullah Ibn Ahmad Ansari al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi*, hlm. 263. Lihat, Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, juz 1, hlm 77.

keturunanku (pemimpin ikutan). Allah berfirman; (permohonan diterima tetapi) janjiku ini tidak didapati oleh orang yang zalim.⁹

Perkataan Imam membawa makna ikutan dalam urusan agama¹⁰ juga sebagai pembimbing kepada orang yang dipimpinnya. Perkataan Za'aim membawa maksud memelihara atau menjamin.¹¹ Ihi juga tidak terkeluar daripada fungsi seorang ketua terhadap orang yang dibawah kendaliannya.

Firman Allah,

سَلَّمُهُمْ بِذَلِكَ زَعِيمٌ .

Bermaksud ; Bertanyalah kepada mereka, siapakah orangnya diantara mereka yang menjamin betulnya hukum.¹²

Al-Quran telah menyatakan dua jenis pemimpin, jenis yang pertama ialah pemimpin atau pemerintah yang menjalankan siasah ketuhanan.¹³ Manakala yang kedua menjalankan siasah syaitan dan taghut.¹⁴

Firman Allah,

قَالَتْ أَنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَنْسَدُوهَا وَجْعَلُوا أَعْرَةً أَهْلَهَا أَذْلَةً، وَكَذَلِكَ يَفْعَلُونَ .

⁹ *Al-Baqarah* : 124

¹⁰ Al-Hakim al-Shaikh Tantawi Jauhari, *Al-Jauhari Fi Tafsir al-Quran al-Karim*, juz 1, hlm.119.

¹¹ Al-Sayuti, *Al-Dar al-Manthur*, juz.4, hlm. 560.

¹² *Al-Qalam* : 40

¹³ Siasah ketuhanan ialah politik berteraskan Islam.

¹⁴ Taghut ialah setiap apa yang disembah selain daripada Allah. Ia mempunyai beberapa ciri;

- i. Syaitan yang menyeru supya beribadat kepada yang lain daripada Allah.
- ii. Pemerintah zalim yang mengubah hukum-hukum Allah.
- iii. Orang yang menghukum selain daripada hukum Allah.
- iv. Orang yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib.
- v. Orang yang menyembah selain daripada Allah dan redha dengan pelakuan sedemikian rupa.

*Bermaksud : Raja perempuan itu berkata ; sesungguhnya raja-raja apabila memasuki ke sebuah negeri mereka merosakkannya dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia itu hina dina dan demikian itulah mereka akan lakukan*¹⁵

Ayat ini menggambarkan bahawa pemimpin yang zalim kebanyakannya merosakkan muka bumi Allah, menyesatkan manusia dan merampas hak-hak mustadhafin (orang yang lemah). Al-Quran juga menerangkan pemimpin yang baik dan menabur jasa kepada masyarakat seperti nabi-nabi yang mengendalikan urusan siasah masyarakat diantaranya Nabi Daud, Sulaiman, Yusuf dan Zulkarnain. Firman Allah;

يَا دَاوِدَ اَنَا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحُقْقِ وَلَا تُشْعِرْ الْهَوَى فِي ضَيْلَكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ اَنَّ الَّذِينَ

يَضْلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَمْ يُعَذَّبْ شَدِيداً بِمَا نَسُوا مِنْ حِسَابٍ.

*Bermaksud : Wahai Daud sesungguhnya kami telah menjadikan kamu khalifah dimuka bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) dan janganlah kamu menurut hawa nafsu yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.*¹⁶

Firman Allah mengenai Nabi Yusuf;

¹⁵ An-Naml : 34

¹⁶ Al-Shad : 26.

وقال الملك انتوني به اصطلحه لنفسى قلما كلامه قال انك اليوم لدينا مكن أمنٍ* قال اجعلنى على خزمن

الأرض انى حفيظ علیم* وكذلك مكنا ليوسف فى الأرض يتبوأ منها حيث يشاً نصيب برحـتا من شـا

* ولنفع أجر الحسـنـي

Bermaksud : Dan setelah mendengar pengakuan perempuan-perempuan itu Raja berkata; bawalah Yusuf kepadaku, aku akan menjadikan khas untuk aku bermesyuarat dengannya. Setelah (Yusuf dibawa mengadap) berkata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaanya) berkatlah Raja kepadaNya; sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yusuf) seorang yang berpangkat tinggi lagi dipercayai dikalangan kami.Yusuf berkata; jadikanlah daku pengurus perpendaharaan hasil bumi (Mesir) dan sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.Dan demikianlah caranya kami tetapkan kedudukan Yusuf, memegang kuasa dibumi Mesir; ia bebas tinggal dibumi ini dimana sahaja ia sukainya. Kami limpahkan rahmat kami kepada siapa sahaja yang kami kehendaki dan kami tidak menghilangkan balasan baik orang-orang yang berbuat demikian."

17

Firman Allah mengenai Zulqarnain;

وَسَأَلُوكُمْ عَنْ ذِي الْقَرْبَىٰ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِمَّ ذُكِرَ إِنَّ مَكَانَةَ فِي الْأَرْضِ وَاتِّيَنَهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبِيلًا*

Bermaksud : Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai Zulqarnain; katakanlah Aku akan membacakan kepada kamu (wahyu dari Allah yang menerangkan) sedikit tentang prihalnya. Sesungguhnya kami telah berikan kepadanya kekuasaan

¹⁷ Yusuf : 54-56.

pemerintah di bumi ini dan kami berikan kepada jalan bagi menjayakannya tiap-tiap suatu yang diperlukannya.”¹⁸

Firman Allah mengenai Nabi Sulaiman;

وورث سليمان داود وقال يأيها الناس علمنا منطق الطير وأوتينا من كل شيء ان هذا هو الفضل المبين* وحشر

لسليمان جنوده من الجن والانس والطير فهم يوزعون*

Bermaksud : Dan Nabi Sulaiman mewaris (pangkat dan kenabian dan kerajaan) nabi Daud, dan (setelah itu) nabi Sulaiman berkata ; wahai umat manusia, kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung dan kami telah diberikan serba sedikit dari tiap-tiap sesuatu yang (diperlukan); sesungguhnya yang demikian itu adalah limpah kurnia (dari Allah) yang jelas dan nyata."Dan dihimpunkan bagi Sulaiman bala tenteranya dari jin dan manusia serta burung ; lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan-perjalanan masing-masing.¹⁹

4. Kepimpinan Menurut Hadis Nabi S.A.W.

Sabda Rasulullah S.A.W.

إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمروا عليهم أحدهم.

Bermaksud : Apabila tiga orang keluar musafir, maka ia hendaklah melantik seorang dikalangan mereka sebagai ketua".²⁰

¹⁸ Al-Kahfi : 83-84.

¹⁹ Al-Naml : 27.

²⁰ Al-Imam al-Hafiz Abu Daud Sulaiman Ibn al-Ash'ath, Sunan Abi Daud, 2:34, bab jihad.

Di dalam hadis yang lain Rasulullah bersabda,

إِذَا كُنْتُمْ ثَلَاثَةً فَامْرُوا أَحَدَكُمْ.

Bermaksud : Apabila kamu bertiga hendaklah kamu melantik salah seorang daripada kamu menjadi ketua.²¹

Al-Mawardi menjelaskan - kepimpinan selepas Rasulullah S.A.W adalah kepimpinan khilafah nubuwah yang termasuk di dalam urusan umat Islam yang wajib dilaksanakan, baik dilihat dari segi syara' atau dari segi akal yang waras.²²

Rasulullah s.a.w. telah menegaskan bahawa manusia adalah pemimpin di dalam konteks yang tertentu seperti di dalam sabdanya;

الاَكْمَمُ رَاعٍ وَكُلُّمُ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّةٍ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّةٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى

أَهْلِ بَيْهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلَهَا وَوَلَدَهُ وَهِيَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى عَلِيٍّ مَالٍ

سَيِّدِهِ، وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُ إِلَّا وَكَلِمُ رَاعٍ وَكُلُّمُ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّةٍ.

Bermaksud : Ingatlah kamu semuanya adalah pemimpin dan kamu semuanya bertanggungjawab terhadap orang yang di bawah tanggungannya, maka pemimpin (negara) bertanggungjawab terhadap rakyat di bawah tanggungjawabnya. Seorang lelaki (suami) bertanggungjawab terhadap ahli rumahnya. Seorang perempuan (isteri) bertanggungjawab terhadap ahli rumahnya dan anaknya. Seorang hamba bertanggungjawab di atas harta tuannya. Maka hendaklah kamu ingat bahawa kamu semua adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawab dan semua orang yang

²¹ Ibid. hlm. 34.

²² Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyyat wa al-Wilayat al-Diniyat, hlm. 5.

dipertanggungjawab akan disoal mengenai orang yang di bawah jagaanya.”²³

Hadir diatas menggambarkan secara umumnya manusia yang mukallaf adalah pemimpin, iaitu mengikut kategori orang yang dibawah tanggungannya.

Di sana terdapat hadis-hadis yang mewajibkan supaya kita menumpahkan taat setia kepada ketua. Sesiapa yang tidak berbuat demikian maka ia telah melakukan dosa besar. Sabda Rasulullah S.A.W.

من خلع يدا من طاعة لقي الله يوم القيمة ولا حجة له ومن مات وليس في عنقه بعثة مات مية جاهلية.

Bermaksud : Sesiapa yang tidak menghulurkan tangannya untuk taat kepada seorang ketua, nescaya ia akan menemui Allah pada hari akhirat dalam keadaan ia tidak mempunyai hujjah. Dan sesiapa yang mati sedangkan ia tidak melakukan biah maka ia mati di dalam keadaan jahiliah.”²⁴

Rasullullah dalam sabdanya telah menggambarkan seorang imam yang akan diberi perlindungan oleh Allah pada hari akhirat kelak. Sabdanya;

سبعة يظلمهم الله في ظله يوم لا ظل الا ظله ، الامام العادل وشاب نشاء فب عبادة الله ورجل قلبه معلق في

المساجد ورجلان تhabابا في الله اجتمعوا عليه وتفرقا عليه ورجل دعنه امرأة ذات منصب وجمال فقال اني أخاف

الله ورجل تصدق بصدقه فاخافاه حتى لا تعلم شماليه ما تفقى بيسيمه ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه.

²³ Imam Abi Hussain Muslim Ibn. Al-Hajaj al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, 2:1459, bab Imarah.

²⁴ *Ibid*, 2:1476,bab al-Imarah.

Bermaksud : Tujuh golongan yang akan diberi perlindungan oleh Allah pada hari yang tidak ada perlindungan kecuali perlindungan Allah. Imam (pemerintah) yang adil, pemuda yang sentiasa beribadat kepada Allah dan hatinya yang sentiasa ingat kepada masjid, dua lelaki yang berkasih kerana Allah di mana mereka berhimpun dan berpisah keranaNya; dan lelaki yang diajak oleh seorang perempuan yang mempunyai kedudukan dan rupa paras yang cantik maka ia berkata aku takut kepada Allah, dan lelaki yang bersedekah dengan cara bersembunyi sehingga tidak diketahui oleh tangannya yang sebelah kiri dengan apa yang dilakukan oleh tangan yang disebelah kanan, lelaki yang berzikir kepada Allah dengan keadaan sunyi sehingga terkeluarnya air mata.”²⁵

5. Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin

Memandangkan betapa pentingnya kedudukan seorang pemimpin bagi meneruskan usaha-usaha yang dilakukan oleh Rasullah S.A.W. maka calon-calon yang kan menyandang jawatan ini ditetapkan beberapa syarat yang berat, baik yang berlandaskan nas-nas yang pasti ataupun dalil-dalil akli.

i. Islam

Islam adalah syarat asas bagi kepimpinan Islam. Sebagai orang yang hendak melaksanakan amanah Allah, maka semestinya ia beriman dengan apa yang Allah perintahkan dan meninggalkan segala apa yang dilarang oleh Allah. Logiknya, kerana ketua negara merupakan ketua yang memimpin kedua-dua urusan ummah dan agama iaitu mengambil tempat para nabi dalam perkara tersebut. Firman Allah :

وَلَا يُجْعَلَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا .

²⁵ Al-Hafiz al-Hujjaj al-Imam Sa'i di Muhammad Habibullah Ibn Shaikh Sa'i di Ahmad al-Mashyur, *Zad al-Muslim*, juz. I, hlm.214.

Maksudnya : Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang kafir untuk membina sakan orang yang beriman.”²⁶

Ibn Hazm menyatakan bahawa jawatan pemimpin mempunyai urusan yang cukup besar. Bagaimana ia dapat melaksanakan syariat Islam dan memelihara umatnya, sekiranya yang dilantik terdiri dari orang bukan Islam.²⁷

Firman Allah yang melarang menjadikan orang kafir sebagai pemimpin;

لَا يَنْهَاكُونَ الْكَافِرُونَ أُولَئِنَّا مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا إِنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ نَهَىٰ ،

وَيَحْذِرُكُمُ اللَّهُ أَنْتُمْ نَفْسَهُ وَإِلَهُ الْمَصِيرِ .

Bermaksud : Janganlah orang-orang beriman mengambil orang-orang kafir sebagai teman rapat dan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam suatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri dari suatu bahaya yang ditakuti daripada mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan kamu supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali.”²⁸

Ibn Abbas menyatakan Alah melarang orang mukmin berkasih sayang dengan orang kafir dan menjadikan mereka sebagai ketua.²⁹ Fakhrurazi menjelaskan sekiranya dilantik orang kafir menjadi pemimpin dan ia rela dengan perbuatan tersebut maka ia

²⁶ Al-Nisa' : 141.

²⁷ Ibn Hazm al-Zahiri, *al-Fasl Fi al-Milal Wa Al-Nihal*, juz. 4, hlm. 128-129.

²⁸ Al-Imran : 28.

²⁹ Abdullah Bin Muhammad Ibn Ahmad Ansari al-Qurtubi, juz. 2, hlm. 1299.

menjadi kufur, kerana seolah-olah ia menganggap bahawa agama kafir itu betul.³⁰ Di sana ada pengecualian sekiranya dalam keadaan terdesak atau takut dibunuh, maka ia dibolehkan. Walaubagaimanapun kafir **dhimmi** boleh menjawat jawatan menteri (*wazir tanfiz*).³¹

ii. Berilmu Dan Berijtihad

Imam Haramain,³² al-Ghazali³³ dan al-Ramli³⁴ berkata syarat ini telah disepakati di kalangan ulama. Maksud mengetahui ilmu ialah mengetahui ilmu syariat Islam, mengenai sumber-sumber hukum atau hukum-hukum Islam.

Sahih al-Mawaqif menyatakan bahawa seorang pemimpin mestilah ia mujtahid dalam perkara usul dan cabang. Untuk menegakkan urusan agama maka sudah semestinya ia mengemukakan hujah dengan konkret, meronkaikan segala keraguan dan kesamaran aqidah serta dapat menyelesaikan masalah-masalah semasa. Kerana inilah sepenting-penting tujuan pimpinan iaitu untuk memelihara aqidah dan menyelesaikan pergaduhan.³⁵

Al-Ghazali mengharuskan memilih pemimpin yang paling hampir kepada mujtahid memandangkan syarat seperti ini tidak mungkin wujud pada zaman mutakhir ini.³⁶ Perkara ini dapat diselesaikan sekiranya kepimpinan pada hari ini mewujudkan kepimpinan kolektif dengan mengumpulkan dikalangan ulama, eksekutif yang cekap

³⁰ al-Imam al-fakhrurrazi, *al-Tafsir al-Kabir*, juz. 4, hlm.11-14.

³¹ *Wazir Tanfiz* tidak boleh menghukum kes-kes "al-Mazalim", tidak mempunyai kuasa prerogatif melantik pegawai tinggi, tidak boleh secara sendirian memberi arahan kepada tentera dan tidak boleh mentadbir wang Baitulmal.

³² Imam al-Haramain al-Juwaidi, *Kitab al-Irshad*, hlm.426.

³³ Imam al-Ghazali, *Fadaikh al-Batiniah*. Tahqiq Abdul Rahman Badwi, hlm. 191.

³⁴ Shamsuddin Muhammad Abi Abbas Ahmad Hamzah Ibn Shihabuddin al-Ramli, *Syarhu al-Minhaj*, hlm.389.

³⁵ Al-Qadi Abdul Rahman Ibn. Ahmad al-Iji, *al-Mawaqif Fi Ilmi al-kalam*, hlm : 398

³⁶ Al-Ghazali, *Fadaikh al-Batiniah*, hlm. 191.

mentadbir, legislatif dan teknokrat yang mahir supaya pendedahan ilmu baru kepada pemimpin dapat diwujudkan, seterusnya melancarkan kepimpinan yang dikehendaki di samping lengkap melengkapi mana yang kurang.

Dalam erti kata lain gabungan antara intelektual dan ulama dalam satu barisan supaya satu gabungan yang mantap dapat diwujudkan dalam satu kepimpinan yang ideal.

iii. Adil

Keadilan merupakan satu syarat yang paling penting bagi khalifah (pemimpin). Walaupun kita telah menentukan keberanian perlu ada pada seorang ketua, namun begitu ia tidak cukup untuk kita mendapatkan manfaat daripadanya jika seorang ketua itu zalim. Sesungguhnya tunjang tauhid itu ialah akidah dan teras syariat ialah keadilan.

Keadilan merupakan matlamat keseluruhan syariat langit. Firman Allah dalam al-Quran memberi arahan kepada orang yang diamanahkan untuk melakukan keadilan;

لقد أرسلنا رسالنا بالبيانات وأنزلنا معهم الكتب والميزان ليقييم الناس بالقسط .

Bermaksud : Demi sesungguhnya! Kami telah mengutuskan rasul-rasul kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata dan kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan".³⁷

Sifat adil adalah wajib bukan sahaja kepada pemimpin malahan terhadap seluruh manusia supaya berlaku adil kepada orang Islam dan juga kepada orang bukan Islam.

Firman Allah;

أَنَّهَا الَّذِينَ أَمْتَنُوا كُوْنُوا قَوَاعِدُ اللَّهِ شَهِداءَ مَالَقَسْطِ وَلَا جُرْمَنِكُمْ شَنَاءُنَّ قَوْمٍ عَلَى إِلَّا تَعْدُلُوا إِعْدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّعْوِيْنِ
menolong perbuatan zalim mereka, maka mereka bukan dari
ketauanah dan ketauanah tidak mungkin mereka berlakukannya
وَاتَّقُوهُ اَنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَعْلَمُونَ.

Bermaksud : *Hai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah sekali-kali kebencian kepada suatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan".*¹³⁸

Allah mewajibkan ke atas Nabi Daud supaya berlaku adil ketika memerintah bumi Palestin. Firman Allah S.W.T.
يَا دَوْدَ اَا جَعَلْنَكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَبْغِيْنَ الْحُرْمَى.

138. *Al-Hadid*: 25.

Bermaksud : *Wahai Daud sesungguhnya kami telah menjadikan kamu khalifah dimuka bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) dan janganlah kamu menurut hawa nafsu".*¹³⁹

Al-Hadid menyebut bahawa salah satu syarat pentadbiran yang baik adalah menegaskan bahawa orang yang zalim tidak boleh menjadi pemimpin di atas muka bumi Allah ini, seperti FirmanNya;

وَإِنَّمَا يُنْهَا مُشَاجِعَةً وَمُنْهَى مُنْهَى وَمُنْهَى مُنْهَى

¹³⁷ *Al-Hadid*: 25.

¹³⁸ *Al-Maidah* : 8.

¹³⁹ *Surah Shad* : 26..

وَادْبَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبِّهِ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَهُنَّ، قَالَ أَنِي جَاعَلْتُ لِلنَّاسِ أَمَامًا، قَالَ وَمَنْ ذَرْتَ، قَالَ لِيَنْالَ عَهْدِ الظَّالِمِينَ.

Bermaksud : Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhan-Nya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (setelah itu) Allah berfirman; sesungguhnya aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bgi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata ; (Ya Tuhan-Ku !) jadikanlah juga (apalah juga kiranya) dari keturunanku (pemimpin ikutan). Allah berfirman; (permohonan diterima tetapi) janjiku ini tidak didapatkan oleh orang yang zalim".⁴⁰

Pemerintah yang zalim ini bermakna meruntuhkan janji Allah, kerana telah terjadi dalam Islam, apabila pengendalian umat dipegang oleh orang-orang yang zalim, banyak ahli ilmu agama menderita kerana dipukul, dan bagaimana Imam Shafie menjadi buruan kerajaan Abassiah, seterusnya malapetaka yang menimpa ke atas Imam Ahmad Ibn Hanbal sehingga 28 bulan beliau merengkok dalam penjara hasil dari pemerintahan yang zalim.⁴¹

Sesiapa yang mendapat seorang pemimpin yang melakukan hendaklah menegur mereka supaya kembali kepada kebenaran dan menjauahkan mereka daripada melakukan kezaliman. Sekiranya mereka tidak berbuat demikian mereka digolongkan sebagai orang yang bersyubhat.

Sabda Rasulullah S.A.W.

مَنْ صَدَقَهُمْ بِكَذِبِهِمْ وَأَعْنَاهُمْ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ فَلَيْسَ مِنِّي وَلَسْتُ مَنَّهُمْ وَلَا يَرْدُونَ عَلَىٰ الْحَوْضِ وَمَنْ لَمْ يَصُدِّقْهُمْ بِكَذِبِهِمْ

وَأَعْنَاهُمْ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ فَهُوَ مِنِّي وَأَنَا مَنْهُ وَسَرِيدُ عَلَىٰ الْحَوْضِ.

⁴⁰ Al-Baqarah : 124.

⁴¹ Mohd. Hasbi Ashishiddiqy, *Dasar-Dasar Pemerintahan Islam*, hlm. 56-57.

Bermaksud : Sesiapa yang memberarkan pendustaan mereka dan menolong perbuatan zalim mereka, maka mereka bukan dari kalangan aku dan aku bukn di kalangan mereka dan mereka tidak akan memperolehi telaga Hud. Dan sesiapa tidak memberarkan pendustaan mereka dan tidak menolong perbuatan zalim mereka maka mereka dikalangan aku serta memperolehi kolam Hud."⁴²

Kesimpulannya keadilan merupakan nilai dan syarat yang paling penting bagi seorang pemimpin. Walaupun kita telah menentukan ilmu dan keberanian, tetapi sifat keadilan adalah penting kepada seorang ketua kerana ketua yang zalim tidak boleh mengambil manfaat darinya. Seorang yang berilmu dan bijak sekalipun jika ia tidak dapat memberi keadilan ia akan membawa kehancuran kepada masyarakat yang dipimpin. Najashi walaupun ia seorang kafir tetapi ia bersifat adil telah memberi perlindungan dan menyambut baik seruan yang dibawa oleh Rasulullah kepadanya. Tetapi ada juga pemimpin yang Islam agamanya, tetapi bersikap zalim dalam pemerintahannya telah melakukan kezaliman kepada orang Islam sendiri seperti yang berlaku kepada Imam Mazhab yang empat.

iv. Keberanian Bertindak Dan Mahir Dalam Pentadbiran

Al-Mawardi menyebut bahawa salah satu syarat penting kepimpinan ialah keberanian dan ketangkasan bertindak bagi memelihara kemurnian dan melaksanakan jihad ke atas musuh.⁴³ Seorang pemimpin juga hendaklah melaksanakan maslahat kepada rakyat. Ia juga perlu tangkas bertindak terhadap musuh serta mempunyai pandangan yang tajam mengenai urusan orang Islam dan tidak gentar untuk menjatuhkan hukuman.⁴⁴

⁴² Jalaluddin al-Sayuti, *Sunan al-Nasai*, 7: 160-161 (Bab Bai'ah)

⁴³ Al-Mawardi, hlm.5.

⁴⁴ Al-Juwaini, hlm. 426.

Ibn Khaldun menerangkan maksud keberanian disini ialah untuk melaksanakan hudud dan berani membuat serangan.⁴⁵ Al-Baghdadi menyatakan berani ialah mesti berani mengarahkan kepada sasaran politik dan bijak dalam pentadbiran supaya ia dapat mengetahui tahap kemampuan seorang manusia, dengan demikian ia tidak membebankan suatu pekerjaan berat kepada seorang rakyat yang tidak mampu untuk dipikul. Ia juga mestilah pakar dalam perang.⁴⁶

Kesimpulannya seorang yang dilantik itu mestilah pakar atau mempunyai pengalaman dalam bidang tertentu supaya ia dapat membawa masyarakat kearah kesejahteraan. Tidak memadai seorang yang alim dan taqwa tetapi tidak mempunyai pengalaman politik dan pentadbiran negara. Maka dengan sebab itu seorang pemimpin mesti menguasai ilmu yang tinggi di dalam bidang politik, perang dan pentadbiran.

v. Tidak Cacat Anggota Tubuh Badan

Sejahtera pancaindera dan anggota badan supaya tidak lambat di dalam pergerakkan seperti gila, buta, pekak, bisu atau hilang setengah dari anggota badan seperti kaki dan tangan adalah juga syarat penting kepimpinan, kerana perkara ini akan menjelaskan pergerakan dan pandangan orang ramai.⁴⁷

Syarat ini diletakkan supaya tugas seorang pemimpin ini dapat bergerak dengan bebas dan cergas tanpa perlu bantuan daripada orang lain. Bebanan tugas yang dipikul oleh seorang ketua ketika menjalankan tugas adalah berat, dengan ini adalah suatu perkara yang mustahil ia mampu menjalankan tugasnya dengan baik sekira dirinya sendiri masih memerlukan bantuan orang lain.

⁴⁵ Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, hlm. 193.

⁴⁶ Abu Mansur Abdul Kahar Ibn Tahir al-Tamimi al-Baghdadi, *al-Farqu Bain al-Firaq*, hlm.227.

⁴⁷ Ibn Khaldun, hlm. 161.

vi. Lelaki

Ulama' tidak membenarkan perempuan menjadi pemimpin negara sebab di antara salah satu syarat perjawatan khalifah yang ditetapkan mesti seorang lelaki.⁴⁸ Ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W;

لَنْ يُنْلِحْ قَوْمٌ وَلَا اُمَّةٌ اِمْرَأَةٌ.

*Maksudnya : Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan kuasa memerintah kepada wanita.*⁴⁹

Walaupun tidak terdapat dalil yang qat'ei mengenai larangan melantik orang perempuan sebagai pemimpin negara tetapi jika dilihat dari aspek lain kita dapati prinsip-prinsip Islam perlu di jaga supaya marwah dan kehormatannya tidak tercabar. Kerana wanita mempunyai beberapa kewajipan dalam memberi masa untuk menjaga keluarga, percampuran dengan lelaki bukan mahram diharamkan dan keluar secara persendirian tanpa di sertai mahram adalah dilarang. Perkara-perkara ini menimbulkan kerumitan untuk wanita bertindak dengan bebas walaupun dalam sejarah dunia terdapat beberapa pemimpin wanita yang mengukir kecemerlangan.

vii. Quraisy

Ia merupakan ijma' para sahabat kerana Abu Bakar pada hari perhimpunan di Saqifah Saidah telah menyatakan kepada puak Ansar ketika mereka mengemukakan Saad bin Ubadah, maka beliau menyatakan ﴿الائمة مِنْ قُرَيْشٍ﴾ “Ketua daripada orang Quraisy”, berdasarkan hadis ﴿قَدِمُوا قُرَيْشًا وَلَا تَقْدِمُوهُمْ﴾ “Dahulukan orang Quraisy dan janganlah tinggalkan mereka”⁵⁰.

⁴⁸ Imam Haramain, hlm. 427.

⁴⁹ Al-Imam Ibn Hanbal, *Masnad*. Juz. 5, hal 42.

⁵⁰ Abdul Wahab Khalaf, *al-Siyasat al-Syariyyat*; Beirut : Muassasah al-Risalah, 1984, ms.56-57.

Menurut al-Ghazali, para sahabat telah menjadikan perlantikan khalifah di kalangan orang Quraisy kerana pada masa itu, bangsa Quraisy mempunyai kekuatan. Sedangkan zaman sekarang, syarat ini tidak diwajibkan lagi. Ini ialah kerana setiap hukum berkisar pada illatnya. Kita telah mengetahui bahawa pada masa dahulu, bangsa Quraisy yang berkuasa dan mempunya kekuatan sedangkan pada masa sekarang keadaan yang berlaku adalah sebaliknya, dengan ini syarat Quraisy bukanlah mutlak⁵¹.

6. Kepimpinan Menurut Perspektif Gerakan Islam.

Gerakan Islam adalah merupakan kesinambungan dari usaha yang telah dilakukan oleh para anbiya', khulafa' al rasyidin dan pejuang pejuang yang terdahulu. Risalah Islam yang dibawa oleh gerakan Islam dimana pun mereka berada adalah untuk memimpin manusia kembali kepada penghayatan Islam sebagai satu sistem.

Setelah khilafah Othmaniah runtuh, fahaman sekularisme mula masuk dan meresapi pemikiran dan budaya hidup orang Islam. Akibatnya berlakulah pemisahan antara agama dan aktiviti kehidupan. Politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya dilihat sebagai tidak punya sebarang kaitan dengan Islam dan kesempatan ini terus menerus diperalatkan oleh musuh untuk melemahkan umat Islam. Dalam kegawatan ini lahirnya gerakan Islam untuk memimpin semula satu kebangkitan umat Islam.

Gerakan Islam lahir untuk mengangkat semula martabat Islam yang telah cuba dikuburkan oleh berbagai arus dan gerakan lain. Peranan yang begitu besar ini dipikul oleh gerakan Islam yang bertaburan diatas muka bumi ini. Walaupun terdapat berbagai bagai jenama dan tapak pergerakan yang jauh namun gerakan Islam mempunyai matlat yang satu iaitu untuk memimpin semula umat Islam khasnya dan umat manusia keseluruhannya untuk kembali kepada penghayatan Islam dalam seluruh tuntutan kehidupan.

⁵¹ Al-Ghazali, bu Hamid Muhammad bin Muhammad, al-Iqtisad Fi al-I'tiqad, Beirut : ar al-Kutub al-Ilmiyat, 1983, ms.149.

Samaada Ikhwanul Muslimin di Mesir, Jamaat Islami di Pakistan dan India, Jamāah Islamiyah di Lebanon atau PAS di Malaysia, sejarah dan pengalaman telah membuktikan bagaimana perjuangan untuk memimpin umat bukan merupakan satu tugas yang boleh dilahirkan dalam sekelip mata. Namun begitu usaha ini terus menerus dijalankan kerana menyedari hakikat bahawa kemenangan akan pasti dikurniakan kalau tidak hari ini mungkin esok atau hari seterusnya. Maka itulah kita lihat usaha ini terus menerus dilakukan walaupun berdepan dengan berbagai tribulasi.

Peranan utama gerakan Islam adalah untuk:

- i. Memimpin umat kearah mencari keredhaan Allah melalui perlaksanaan perintah Allah dan Rasul Nya.
- ii. Memimpin untuk mengwujudkan dan penghayatan budaya hidup Islam dalam setiap aktiviti kehidupan.
- iii. Memimpin umat untuk meruntuhkan jahiliah dan membina Islam diatas keruntuhan tersebut.
- iv. Memimpin umat untuk perlaksanaan keadilan untuk semua tanpa diskriminasi agama, bangsa dan keturunan.

7. Masalah-masalah Untuk Mengwujudkan Kepimpinan Islam Di Malaysia.

i. Penjajahan Pemikiran.

Malaysia telah dijajah beratus-ratus tahun oleh beberapa kuasa asing. Mereka datang menjajah bukan sekadar untuk mengaut keuntungan ekonomi, tetapi mempunyai matlamat tersirat hasil kegagalan puak Kristian dalam perang salib untuk menentang Islam dan umatnya. Dalam menjayakan misi tersebut, mereka turut menjajah pemikiran umat Islam secara halus sehingga masyarakat Islam dapat menerima nilai-nilai barat yang dibawa mereka. Meskipun penjajah telah pergi, namun pada hakikatnya pemikiran masyarakat Malaysia masih lagi dijajah sehingga majoritinya masih tidak dapat menerima kesyumulan Islam yang merangkumi aspek politik dan kepimpinan.

ii. Sistem Pendidikan Dan Kejahilan Mengenai Konsep Kepimpinan Islam.

Pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia, khususnya pada era siber ini lebih menitikberatkan ilmu sains dan teknologi daripada ilmu keagamaan. Ilmu ilmu keagamaan yang diajar pula hanyalah dalam konteks yang sempit iaitu menyentuh soal ritual semata. Akta Pendidikan 1996, contohnya secara jelas cuba mengekang perkembangan pendidikan Islam diperingkat rendah terutama yang tidak ditaja oleh pihak kerajaan. Pengajian di masjid masjid dan surau banyak tertumpu kepada persoalan fiqh yang rigid. Malah sekiranya ada pendakwah, tuan tuan guru atau khatib Jumaat yang cuba menyentuh persoalan kepimpinan dan politik, mereka dianggap telah menyalahgunakan masjid dan boleh diambil tindakan.

iii. Kelesuan Golongan Intelektual Dan Ulama.

Apabila fenomena ini berlaku, ia menjadi fitnah dan halangan yang besar untuk mengwujudkan kepimpinan Islam. Mereka tidak bermaya untuk menyampaikan risalah Islam kepada rakyat agar memahami dasar-dasar Islam yang menyeluruh. Mereka hanya dirujuk dalam sempadan yang amat terbatas iaitu dalam menentukan hal yang berkaitan dengan halal dan haram sahaja. Sebahagian daripada mereka diperalatkan pula dengan ganjaran kerana kejayaan memanipulasikan agama.

Golongan intelektual yang berada dimenara gading pula, kebanyakannya tidak berani untuk menegur sebarang penyelewengan. Mereka dibelenggu oleh AUKU dan ini mengakibatkan peranan mereka sebagai ahli akademik dibatasi oleh halangan halangan yang menyekat kebebasan intelektual

8. Peranan PAS Dalam Pembentukkan Kepimpinan Islam.

PAS sejak awal penubuhannya mempunyai dasar yang jelas iaitu memperjuangkan Islam secara menyeluruh. Namun gerakan PAS lebih menonjol dalam aspek politik berbanding dengan aspek yang lain kerana aspek ini antara yang terpenting yang perlu diberi penekanan. Selagi sistem pemerintahan negara yang berasaskan sekular tidak dirobohkan, selagi masyarakat masih buta politik Islam, selagi itulah akan menjadi halangan untuk diwujudkan kepimpinan Islam.

Dalam konteks Malaysia yang mengamalkan demokrasi berparlimen, PAS mengambil ruang yang ada untuk melibatkan diri dalam pilihanraya, bagi menyebarkan dakwah secara lebih meluas dan membentuk kepimpinan Islam yang lebih bertanggungjawab. Dalam pilihanraya, Ahli ahli Majlis Syura Ulama PAS menetapkan bahawa ahli ahli yang ingin dilantik sebagai calon mestilah menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam. PAS memperjuangkan kepimpinan ulama,bukan bermakna orang yang bukan ulama tidak diberi tempat dalam kepimpinan. Ini adalah kerana PAS mengamalkan kepimpinan kolektif, dimana individu yang dipilih mempunyai latarbelakang pengajian dan disiplin ilmu yang berbagai. Langkah ini diambil untuk memudahkan perlaksanaan tanggungjawab dalam pemerintahan.

9. Penutup.

Kepimpinan Islam merupakan suatu tanggungjawab agama yang wajib ditegakkan. Ini adalah bagi memulihkan kembali institusi kepimpinan Islam sebagaimana yang telah ditegakkan oleh generasi terdahulu sebelum tumbangnya khilafah Islamiyah. Ini sahaja caranya untuk memastikan syariat Allah dapat ditegakkan secara menyeluruh dan menghapuskan segala unsur-unsur yang boleh membawa kepincangan dikalangan masyarakat. Telah terbukti dalam sejarah kepimpinan Islam lalu, apabila syariat tertegak maka nikmat keadilan akan dapat dirasai oleh seluruh umat. Untuk itu semua lapisan masyarakat perlu berusaha bersungguh-sungguh agar perkara ini dapat dilaksanakan.